

PM salah ulas kes selak kain

— Karpal —

3 JAN 2003
KUALA LUMPUR 2 Jan.

— Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh berpendapat adalah salah bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat ulasan terbuka berkaitan keputusan Mahkamah Majistret dalam kes selak kain oleh Abdul Razak Abas.

Beliau berkata, ini disebabkan pihak pendakwa raya telah pun membuat kenyataan untuk memfailkan rayuan sebaik sahaja kes tersebut diputuskan.

“Ulasan sedemikian boleh mempengaruhi Mahkamah Tinggi yang akan mendengar rayuan tersebut,” katanya dalam kenyataan akhbar hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam berhubung kes Abdul Razak, 52, yang dibebaskan daripada tuduhan menyelak kain dan menunjukkan kemaluan kepada seorang ahli Puteri UMNO, Yusnita Romly semasa pilihan raya kecil Anak Bukit, Julai tahun lepas.

Khamis lalu, Majistret Mohd. Redzuan Abdullah membebaskan Abdul Razak tanpa dipanggil membela diri atas alasan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh.